

23 JUN 2003

Langkawi-Mahathir

PENDUDUK GEMBIRA JAMINAN DR M LANGKAWI AKAN TERUS MEMBANGUN

LANGKAWI, 23 Jun (Bernama) -- Penduduk tempatan yakin Langkawi akan terus maju sebagai destinasi pelancongan antarabangsa walaupun selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berundur pada Oktober ini.

Mereka gembira dengan jaminan Perdana Menteri semalam bahawa penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pasti akan memberi tumpuan kepada Langkawi selain projek-projek pembangunan di seluruh negara.

Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Sungai Menghulu, Hadnan Ismail berkata beliau yakin Dr Mahathir tidak akan membiarkan pembangunan Langkawi terbengkalai kerana kemajuan pulau peranginan itu digerakkan sendiri oleh Perdana Menteri.

Hadnan berkata, rakyat Langkawi bangga kerana perhatian yang diberikan oleh Dr Mahathir terhadap Langkawi, yang membolehkannya diterima sebagai antara pulau peranginan yang amat popular sehingga di peringkat dunia.

Pengerusi Persatuan Tuan Empunya dan Pemandu Kereta Sewa Langkawi Yusof Abdullah berkata kemajuan yang dicapai oleh Langkawi sekarang jauh berbeza jika dibandingkan sebelum ini dan semua ini adalah hasil perhatian yang diberikan oleh Dr Mahathir.

"Kita berharap beliau terus menerus memberi perhatian sedemikian walaupun tidak lagi menjadi Perdana Menteri," kata Yusof.

Katanya, selain menjadi terkenal, Langkawi turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan industri pelancongan.

Pengerusi Sektor Rukun Tetangga Bukit Tunggal, Tuah Daim, turut melahirkan keyakinan tentang masa depan Langkawi hasil pembangunan yang diusahakan oleh Dr Mahathir.

Katanya Langkawi dikenali di mata dunia bukan sahaja sebagai destinasi pelancongan tetapi juga untuk beberapa aktiviti bertaraf antarabangsa seperti Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA), kejohanan lumba basikal berprestij Le Tour de Langkawi dan kejohanan Ironman Triatlon Langkawi Malaysia.

-- BERNAMA

ZI NH PR